

Abdullah angkat sumpah sebagai PM
Malaysiakini.com
Mar 10, 2008

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengangkat sumpah jawatan dan sumpah menyimpan rahsia sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dua hari selepas Barisan Nasional kembali berkuasa setelah memenangi pilihanraya umum Sabtu lalu.

Acara penuh istiadat itu berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara di ibunegara, bermula jam 11.10 pagi dengan pengurniaan suratcara pelantikan dan diikuti dengan melafaz ikrar, sumpah taat setia dan angkat sumpah menyimpan rahsia.

Abdullah, 68, memegang jawatan itu bagi penggal kedua. Turut berangkat ke istiadat ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah.

Menurut Bernama, Abdullah tiba di Balairong Seri pukul 11 pagi dengan diiringi isteri Datin Seri Jeanne Abdullah.

Turut hadir di majlis yang disiarkan secara langsung menerusi RTM 1 ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta orang kenamaan lain.

Antaranya ialah bekas Presiden MCA Tun Dr Ling Liong Sik, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa anggota Parlimen yang baru.

Pada istiadat ringkas selama 20 minit itu, Abdullah menandatangani watakah pelantikan di hadapan Ketua Hakim Negara Datuk Abdul Hamid Mohamad dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Mesyuarat MT, BN

Barisan Nasional (BN) menang 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi yang dipertandingkan membolehkan gabungan parti pemerintah itu membentuk kerajaan dengan mandat majoriti mudah.

Abdullah berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas di Pulau Pinang dengan menewaskan calon PAS Subri Md Arshad dengan majoriti 11,246 undi.

Sementara itu, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno - yang pertama MT selepas pilihanraya umum Sabtu lalu.

Ketibaan Presiden Umno itu yang memakai baju Melayu berwarna hitam disambut timbalan presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak serta laungan "Kami Sayang Pak Lah" oleh sekumpulan penyokong Umno yang menunggu di perkarangan ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Mesyuarat MT kali ini dijangka membincangkan keputusan pilihanraya umum yang baru berakhir, yang menyaksikan BN kembali berkuasa dengan mandat majoriti mudah setelah memperoleh 140 daripada 222 kerusi Parlimen.

Petang ini, Abdullah yang juga pengerusi BN akan mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, yang dijangka membincangkan mengenai pelantikan anggota Kabinet.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79549>